KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	9/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	PERHILITAN			

lokal





ANGGOTA Perhilitan melihat bangkai harimau yang mati ditembak.



ANGGOTA Perhilitan membawa bangkai harimau ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan untuk bedah siasat.

ORANG ASLI MAUT DIBAHAM HARIMAU

PEMAKAN MANUSIA MAUT DITEMBAK

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tidak hanya mati dibaham harimau belang, malah mayat lelaki Orang Asli terbabit turut diseret haiwan liar itu sebelum sebahagian tubuh mangsa dimakan haiwan buas itu.

Dalam kejadian jam 9 pagi kelmarin, mangsa berusia 59 tahun ditemui mati di Kampung Orang Asli Sau, Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan.

Ketua Pengarah Perhilitan Semenanjung Malaysia Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya menerima laporan daripada wakil penduduk Orang Asli di kawasan itu memaklumkan salah seorang penduduk diserang harimau pada jam 10 pagi kelmarin.

"Pihak kami kemudian segera memaklumkan kepada pihak polis sebelum bergerak ke lokasi kejadian.

"Sebelum itu penduduk dari kampung sama turut memaklumkan diserang harimau ketika keluar mencari ikan untuk menyambut pesta padi pada malam Khamis lalu namun semua mereka berjaya menyelamatkan diri," katanya.

Bagaimanapun serangan itu berulang semula apabila salah seorang penduduk lelaki di kampung itu berusia 59 tahun diserang harimau ketika mahu membuang air kecil di belakang rumahnya jam 9 pagi kelmarin.

"Anak perempuan mangsa yang sedang menumbuk padi huma mendengar salakan anjing sebelum mengesyaki sesuatu berlaku terhadap ayahnya. Dia kemudian memaklumkan kejadian itu kepada penduduk kampung.

"Penduduk kampung yang memeriksa di belakang rumah mangsa menemui kesan darah sebelum terserempak seekor harimau.

"Harimau itu kemudian cuba menerkam kumpulan penduduk terbabit namun sempat dibalingkan dengan lembing hingga mengenai mangsa. Dalam masa sama penduduk terbabit bertindak melarikan diri," katanya.

> "Menembak harimau terpaksa dilakukan demi nyawa petugas Perhilitan"
> Abdul Kadir

Kadir berkata, pasukan Perhilitan yang tiba di lokasi kejadian tidak lama kemudian mengarahkan semua penduduk berkurung sementara di dalam rumah.

"Kami kemudian menjalankan operasi menjejaki harimau belang itu sebelum terserempak harimau berkenaan sekitar jam 12.15 tengah hari kelmarin. Harimau itu yang cedera dan agresif bertindak meluru dan cuba menerkam ke arah pasukan Perhilitan.

"Akibatnya petugas kami tidak punya pilihan dan terpaksa melepaskan tembakan ke arah harimau belang itu. Tembakan itu menyebabkan harimau belang seberat 120 kilogram itu mati. Tindakan menembak harimau itu terpaksa dilakukan demi mempertahankan nyawa petugas Perhilitan," katanya.

Beliau berkata, mayat mangsa lelaki yang dibunuh harimau itu berjaya ditemui tidak jauh dari lokasi sebelum diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

"Bangkai harimau itu kemudian dibawa ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan untuk bedah siasat," katanya.

Kadir berkata, pihaknya akan menyiasat punca konflik manusia dan hidupan liar itu secara menyeluruh.

Dua perangkap kamera jejak dua harimau

Kota Bharu: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menjalankan pemantauan dan kawalan di perkampungan Orang Asli di Pos Bihai, dekat sini, selain memasang dua perangkap berkamera di Kampung Tendrik dan Kampung Hak, Pos Bihai bagi menjejaki dua harimau yang berkeliaran di kawasan itu.

Pengarah Perhilitan Kelantan Mohamad Hafid Rohani berkata, sehingga semalam pihaknya masih belum dapat mengenal pasti identiti dua harimau yang dikatakan berkeliaran di Kampung Remau, Pos Bihai pada Disember lalu sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk Orang Asli.

Beliau berkata, sudah hampir sebulan pihaknya memasang perangkap namun ia belum berhasil dan haiwan itu tidak mahu masuk ke dalam perangkap biarpun sudah diumpan dengan kambing.

"Kebimbangan semakin memuncak apabila seorang penduduk Orang Asli mati dibaham harimau ketika berada di bahagian belakang rumahnya.

"Kami sangat berharap kedua-dua harimau yang diburu selama ini dapat ditangkap segera sekali gus melegakan penduduk kampung," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, seorang lelaki Orang Asli berusia 59 tahun ditemukan maut dibaham harimau di Kampung Sau, Pos Bihai.

Sebelum kejadian, mangsa Anek Along sedang menumbuk padi huma bersama anak perempuannya di belakang rumah mereka, jam 9.10 pagi.

Dalam pada itu, Mohamad Hafid berkata, harimau yang ditembak mati oleh kakitangan Perhilitan petang kelmarin masih belum dipastikan sama ada ia antara dua harimau yang diburu sebelum ini.

"Kebiasaannya binatang buas ini akan melarikan diri apabila terserempak dengan manusia, namun kami bimbang haiwan ini akan bertindak sebaliknya sekiranya diganggu.

"Kita meminta penduduk yang terserempak dengan harimau itu segera menghubungi kami supaya tindakan segera dapat diambil," katanya.